

PEKELILING PTG JOHOR BIL.2/2025

DASAR PENGELUARAN, PENGEKSPORTAN DAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN BAHAN BATUAN

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor di mesyuaratnya pada 26.2.2025 setelah menimbang Ringkasan Mesyuarat Bil. 386/2025 **BERSETUJU** meminda Pekeliling PTG Bil. 6/2014 dalam klausa 3.2.12 selaras dengan keputusan kerajaan mengenai Perubahan Cuti Hujung Minggu Negeri Johor supaya ianya dijadikan Pekeliling PTG dan seterusnya diwartakan dan dikuatkuasakan perlaksanaannya sebagai mana berikut;

1. TUJUAN

- 1.1 Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan, Pembangunan Ekonomi dan Pelancongan Negeri Johor di dalam mesyuaratnya pada 10 Disember 2024 telah mengambil keputusan **BERSETUJU** pertukaran cuti hujung minggu kepada hari Sabtu dan Ahad berkuatkuasa mulai 1 Januari 2025. Melalui surat pemakluman dan arahan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor edaran surat bertarikh 11 Disember 2024.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Berdasarkan Pekeliling PTG Bil.6/2014 di para 3.2.12 iaitu :-
 - 2.1.1 Pengeluaran permit sama ada kegunaan tempatan atau eksport tidak dibenarkan pada hari **Jumaat** dan cuti am Kerajaan Negeri dan Persekutuan melainkan mendapat kebenaran dari Pengarah Tanah Negeri atau Pentadbir Tanah Dacrah mengikut kesesuaian dan keperluan.
- 2.2. Selaras dengan keputusan kerajaan sebagaimana RM Bil.693/2021, satu surat pemakluman bagi penyelarasan semula kebenaran menjalankan aktiviti pengalihan bahan batuan dan mineral pada hari Jumaat di Negeri Johor telah dikeluarkan oleh PTG Johor pada 18 Julai 2023.

3. PINDAAN DASAR PEKELILING PTG JOHOR BIL.6/2014


- 3.1 Pekeliling PTG Bil.6/2014 di para 3.2.12 selaras dengan keputusan kerajaan mengenai Perubahan Cuti Hujung Minggu Negeri Johor sebagaimana berikut:-
 - 3.1.1 Pengeluaran permit sama ada kegunaan tempatan atau eksport tidak dibenarkan pada hari **Ahad** dan cuti am Kerajaan Negeri dan Persekutuan melainkan mendapat kebenaran dari Pengarah Tanah Negeri atau Pentadbir Tanah Dacrah mengikut kesesuaian dan keperluan bagi mengambil kira hasrat Kerajaan Negeri dalam merencanakan sektor ekonomi Negeri Johor.

3.1.2 Semua pengalihan Bahan Batuan pada hari **Ahad** hendaklah dibuat **permohonan** terlebih dahulu melalui Pentadbir Tanah Daerah dan permohonan bagi pengalihan Bahan Mineral kepada Pengarah Tanah dan Galian Johor melalui borang sebagaimana di **Lampiran A**.

3.2 Penurunan kuasa lanjutan sementara / bertempoh bagi permohonan pengalihan Bahan Batuan dan Mineral (*stockpile*) yang telah mempunyai kelulusan kerajaan yang telah tamat tempoh pemilikan tanah kepada Pentadbir Tanah Daerah dan Bahan Mineral kepada Pengarah Tanah dan Galian Johor.

4. TARIKH BERKUATKUASA

4.1 Dasar dan peraturan-peraturan baru yang terkandung di dalam Pekeliling PTG Bil.2/2025 tahun 2025 ini berkuatkuasa pada 1 Januari 2025. Dengan ini, Pekeliling PTG Bil.6/2014 adalah dipinda.



(HAJI MOHAMMED SHAKIB BIN HAJI ALI)

Pengarah Tanah dan Galian
Johor.

Tarikh : 26 Mac 2025

Rujukan Fail : PTG.08/0524/0098/2020 Jilid.1

Disediakan Oleh : Bahagian Pelupusan, Penguatkuasaan dan Teknikal
Pejabat Tanah dan Galian Johor

LAMPIRAN 'A'

PERMOHONAN BAGI MENJALANKAN PENGOPERSIAN PENGALIHAN BAHAN BAHAN BATUAN (PERMIT 4C) / BAHAN MINERAL (BORANG 13D) PADA HARI AHAD BAGI TUJUAN TEMPATAN DI NEGERI JOHOR

(Borang permohonan ini adalah berkuatkuasa selama satu tahun)

☐ Di Pejabat Tanah Daerah _____

☐ Bagi Tahun berkuatkuasa _____

1. Maklumat Pemohon (individu)

1.1 Nama : _____

1.2 No. K/P : _____

1.3 No. Telefon : _____ E-mail : _____

1.4 Alamat : _____

2. Jika permohonan daripada sebuah syarikat, sila isikan bahagian ini:

2.1 Nama Syarikat : _____

2.2 No. Pendaftaran Syarikat : _____

2.3 No. Telefon : _____ E-mail : _____

2.4 Alamat Berdaftar Syarikat : _____

3. Jenis bahan batuan/mineral : _____

3.1 Pengangkutan yang akan digunakan :

Lori ☐ Kapal / Pontoon ☐

4. AKUAN PEMOHON [AKTA SPRM (AKTA 694) 2009]

Seksyen 18 – Kesalahan dengan maksud memperdayakan Prinsipal oleh Ejen "seseorang melakukan kesalahan jika dia memberi seseorang ejen, atau sebagai seorang ejen dia menggunakan dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya, apa-apa resit, akaun atau dokumen lain yang berkenaan dengan prinsipal itu mempunyai kepentingan dan yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi apa-apa pernyataan yang palsu atau silap atau tidak lengkap tentang apa-apa butir, dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya".

Tandatangan pemohon

Tarikh : _____

Nama : _____

Kad Pengenalan: _____